

**MESYUARAT JAWATANKUASA SEKRETARIAT PRIVILEGING
HOSPITAL WANITA DAN KANAK-KANAK SABAH**

Bil. Mesyuarat : 1 Tahun 2025

Tarikh : 28.02.2025

(Jumaat)

Masa : 9.00 pagi - 11.00 pagi

Tempat : Bilik Telekonferens Aras 4, HWKKS.

Kehadiran:

HADIR:

- | | |
|---|---|
| 1. Dr. Fauziah Hanim binti Hashim | - Timbalan Pengarah (Perubatan) II |
| 2. Pn. Masliah Othman | - Penyelia Jururawat |
| 3. En. Felix John | - Unit PPP |
| 4 En. Gibson Mimis | - Jabatan Neurosurgeri |
| 5. Dr. Wan Amni binti Zulkifar | - Unit Amalan Perubatan |
| 6 Pn. Chin Fui Fong | - Unit Pemulihan Carakerja |
| 7. Dr. Grace Soon | - Jabatan Anestesiologi |
| 8. Ms. Monica Yarn Fui Chien | - Jabatan Farmasi |
| 9. En. Andy Ng Kwan Peng | - Jabatan Dietetik Dan Sajian |
| 10. Pn. Florina J Kojuna | - Jabatan Pembedahan Pergigian
Pediatrik |
| 11. Dr. Reyme Martino Innocent | - Jabatan Kecemasan Dan Trauma |
| 12. Dr. Meryem Irfan Unal | - Jabatan Pembedahan Pediatrik |
| 13. Pn. Nur Safwanah Binti Jamal | - Jabatan Pediatrik |
| 14. Pn. Rachel Clarice Linggam | - Unit Optometri |
| 15. Ts. Zulina Mazlan | - Jabatan Patologi & Perubatan
Transfusi |
| 16. Pn. Kueh Bing Ling | - Unit CRC |
| 17. Dr. Mr. Jonathan Thadius | - Unit Hemodialysis |
| 18. Dr. Wong Thai Siung | - Unit Penjagaan Luka dan Stoma |
| 19. En. Mohammad Zirwan bin Ahmad
Zainudin | - Jabatan Radioterapi dan
Onkologi |
| 20. Dr. Hasnita binti Mohd Tarik | - Jabatan Anestesiologi |
| 21. Dr. Lee Jia Huie | -Jabatan Anestesiologi |
| 22. Pn. Felecia Lumin | - Jabatan Radiologi |

TIDAK HADIR:

1. Dr. Zosimo Ken L. Jimeno IV
2. En. Bj Alfred Baily
3. Dr. Sharifah Nurul Inas
4. Dr. Hii Ling Yien
En. Luqman bin Abdul Hakim
6. En. Mohammad Fadzli bin Tayit @
Lit
7. Pn. Sahira Nadiyah Shirlen binti
Oyon
- Dr. Nor Hisyam bin Che Ibrahim

- Pakar Pembedahan Plastik dan
Konstruktif
- Jabatan Pediatrik Oftalmologi
- Jabatan O&G
- Jabatan O&G
- Unit Audiologi
- Unit PPP
- Unit Fisioterapi
- Jabatan Otorinolaringologi

- Jabatan Otorinolaringolog
- Jabatan O&G

TURUT HADIR:

1. En. Redziman Jamlin
2. Dr. Gaayathri Nadarajan

- Ketua Unit Kualiti
- Unit Kualiti
- Unit Kualiti
- Unit Kualiti

URUSETIA:

- 1 Dr. Sofinaz Al-Hadar Binti Razalan
- 2 En. Mohamad Saifullah Satin
- 3 Pn. Nurulfarahain Ahmad Razali
- 4 Pn. Siti Khadizah Basri

Mesyuarat dimulakan pada jam 9.00 pagi dan dipengerusikan oleh Dr. Fauziah Hanim binti Hashim, Timbalan Pengarah (Perubatan II), selaku Pengerusi Jawatankuasa Sekretariat Privileging *Hospital*, Hospital Wanita Dan kanak-Kanak Sabah.

I. PERUTUSAN Pengerusi

1. Kata-Kata Aluan

Pengerusi memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam Malaysia Madani, selamat pagi dan selamat datang kepada semua yang hadir menyertai

Mesyuarat Jawatankuasa Sekretariat Privileging Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Sabah, Bilangan 1 bagi tahun 2025

2. Makluman berkenaan Mesyuarat JK Sekretariat Privileging

2.1 Pengerusi turut menyampaikan kepada semua ahli jawatankuasa yang hadir bahawa jawatankuasa ini ditubuhkan bagi tujuan penambahbaikan atas teguran daripada MSQH berkenaan Privileging HWKKS yang kurang jelas.

2.2 Pengerusi juga memberitahu JK akan membuat sesi Audit permohonan dan buku log agar lebih berintegriti dan berharap agar semua penyelaras dapat memberikan bekerjasama. Pengerusi menambah, proses ini penting untuk keselamatan pesakit dan kualiti perkhidmatan selain dapat mencegah implikasi medicolegal.

Makluman

II. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

Dicadangkan oleh: Dr. Wan Amni binti Zulkifar

Disokong oleh: Dr. Grace Soon

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Sekretariat Privileging Bilangan 1 Tahun 2024 pada 5 Disember 2024 telah disahkan tanpa pindaan.

Makluman

III. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

3. Maklumbalas Minit Mesyuarat lepas

Tiada sebarang perkara berbangkit daripada Mesyuarat Jawatankuasa Sekretariat Privileging Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Sabah, Bilangan 1 bagi tahun 2025

Makluman

IV. PEMBENTANGAN

4.0 Pembentangan Permohonan Privileging

- 4.0.1 Penyelaras Jawatankuasa Penyelaras *Sekretariat Privileging* Hospital, Dr. Sofinaz Al- Hadar telah menerangkan semula secara ringkas berkaitan proses permohonan privileging di HWKKS yang telah dibentangkan pada mesyuarat lepas.

Makluman

4.1. Tatacara Pemohonan Privileging

- 4.1.1 Dr. Sofinaz juga telah menerangkan tatacara untuk memohon privileging melalui portal *e-Quality* secara terperinci. Semua penyelaras juga telah disarankan untuk menggunakan portal ini bagi mendapatkan semua informasi berkaitan privileging HWKKS.

Makluman

- 4.1.2 Pemohonan privileging di peringkat HWKKS juga telah dijelaskan kepada semua Penyelaras Privileging di dalam mesyuarat bermula daripada penghantaran permohonan, semakan dan penilaian, kelulusan dan pemberian Privileging sehingga pemberian sijil Privileging.

Makluman

V. PERBINCANGAN BERDASARKAN 5 RUKUN AKREDITASI

5. Pengurusan dan Organisasi

- 5.1 Carta organisasi Jawatankuasa Sekretariat Privileging HWKKS terkini telah dibentangkan yang akan dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah

(Perubatan II) dan ahli jawatankuasa yang terdiri daripada semua jabatan dan unit yang telah dilantik oleh Ketua Jabatan/Unit Masing- masing.

Makluman

6. Pembangunan dan Pengurusan Sumber Manusia

6.1 Senarai penyelaras privileging mengikut jabatan juga telah dikemaskini dan surat lantikan juga akan dikeluarkan oleh urusetia Jawatankuasa *Credentialing & Privileging* Hospital.

6.2 Penyelaras Privileging bagi Jabatan Anestesiologi Dr. Grace Soon telah bertukar kepada Dr. Hasnita binti Mohd Tarik.

Makluman

7. Polisi dan Prosedur

7.1 Permohonan Credentialing KKM Paramedik perlu dihantar kepada Unit Pengurusan Kejururawatan / Unit Pengurusan PPP untuk semakan dan dihantar ke KKM.

Makluman

7.2 Sesalinan Sijil Credentialing KKM perlu dihantar ke Unit Kualiti.

Makluman

8. Kemudahan dan Peralatan

Tiada isu yang dibincangkan berkenaan kemudahan dan Peralatan.

9. Aktiviti Peningkatan Keselamatan dan Kualiti

9.1 Audit silang Pemohonan Privileging dan Buku Log

9.1.1 Audit silang permohonan privileging dan buku log telah dijalankan oleh penyelaras yang hadir. Audit ini dijalankan bagi menyemak dokumen sokongan setiap permohonan yang dikemukakan mengikut

senarai semak yang telah ditetapkan serta maklumat permohonan prosedur adalah selaras seperti di dalam buku log yang telah dihantar.

- 9.1.2 Sebanyak 316 permohonan bagi bilangan 1 tahun 2025 telah disemak oleh penyelaras yang hadir dan semua permohonan privileging telah diterima. Kesemua permohonan ini akan dibawa ke Mesyuarat C&P peringkat Hospital untuk kelulusan.

9.2 Templat Buku Log Privileging

- 9.2.1 Urusetia juga telah berkongsi templat Buku Log Privileging Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Sabah ver. 2025. Template buku log ini akan dibentangkan di Mesyuarat C&P peringkat hospital. Setelah diluluskan, para penyelaras C&P jabatan perlu melaksanakan pengemaskinian senarai prosedur.

Makluman

V. HAL-HAL LAIN

Tiada isu-isu berbangkit dibincangkan.

VI PENUTUP

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11 pagi. Tarikh dan masa Mesyuarat Jawatankuasa Sekretariat Privileging Hospital bilangan 2 Tahun 2025 akan datang akan ditentukan kemudian.

Makluman

Disediakan oleh;



(NURULFARAHAIN BINTI AHMAD RAZALI)

Penolong Pegawai Perubatan Unit
Kualiti Hospital Wanita Dan
Kanak-kanak Sabah Tarikh: 17/03/2025

Disemak oleh;



(DR. SOFINAZ AL-HADAR BINTI RAZALAN)

Ketua Unit Kualiti
Hospital Wanita Dan Kanak-kanak Sabah
Tarikh: 18/03/2025

Disahkan oleh;



(DR. FAUZIAH HANIM BINTI HASHIM)

Timbalan Pengarah (Perubatan) II
Hospital Wanita Dan Kanak-kanak
Sabah Tarikh: 19/03/2025